

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK (BENTONG)

TARIKH JAWAB : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG TACK minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menambah baik perkhidmatan kecemasan seperti bomba di kawasan-kawasan kampung atau pedalaman khasnya di Bentong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa peka terhadap keperluan khidmat kebombaian terutamanya melibatkan kawasan-kawasan yang jauh daripada balai bomba atau di pedalaman.

Pada masa ini, kawasan daerah Bentong mendapat khidmat kebombaian daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bentong yang merupakan balai bomba kategori B. BBP Bentong ini memiliki keanggotaan seramai 46 orang dan dilengkapi dengan 2 buah *Fire Rescue Tender* (FRT), sebuah *Light Fire Rescue Tender* (LFRT), sebuah jentera *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS) serta 3 buah *Rapid Intervention Motorcycle* (RIM).

Sehingga kini, di daerah Bentong sahaja terdapat sebanyak empat (4) Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang telah ditubuhkan bermula pada tahun 2003 sehingga 2008 seperti berikut:

- i. PBS Perring;
- ii. PBS Manchis;
- iii. PBS Simpang Pelangai; dan
- iv. PBS Janda Baik

PBS ini bertindak sebagai pasukan tindak balas awal kecemasan (*first responder*) dalam memberi bantuan awal pemadaman kebakaran sebelum ketibaan pasukan bomba daripada balai yang berhampiran. Kesemua PBS ini telah dibekalkan dengan kenderaan bomba sukarela, kelengkapan peralatan perlindungan diri (PPE) dan peralatan asas pemadaman kebakaran oleh JBPM negeri Pahang.

SOALAN NO : 38

Selain daripada itu, Kementerian melalui JBPM juga sedang dalam proses perolehan bagi membina sebuah balai bomba kategori D di kawasan Gohtong Jaya. BBP baharu ini dijangka dibina pada tahun 2022 dan akan siap serta beroperasi sepenuhnya pada tahun 2025. Dengan pembinaan BBP baharu ini, ia dapat memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaian sekali gus membantu meningkatkan masa tindak balas (*response time*) jabatan di daerah Bentong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian melalui JBPM telah mengambil pelbagai inisiatif dan pendekatan dalam memastikan komuniti setempat menjadi sebahagian daripada pasukan bertindak kecemasan. Justeru, antara program yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. meningkatkan penubuhan **Pasukan Bomba Sukarela (PBS)** di kawasan luar bandar atau pedalaman di daerah Bentong;
- ii. memperkasakan penubuhan **Bomba Komuniti** yang kini terdapat **satu (1) pasukan** di kawasan Bentong dan mereka ini akan diberi kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaian dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api; dan
- iii. melaksanakan dan mempertingkatkan kempen kesedaran keselamatan kebakaran termasuk Program 1 Rumah Satu Alat Pemadam Api (**1RAPI**), Program Sedia Urus Isi Rumah (**SURI**) dan penyediaan alat pengesan asap serta gas (**MyAlert**).

Sekian, terima kasih.